

22/11/1997

Amerika semakin tersepit

PELBAGAI saranan dan cadangan dilontarkan oleh pertubuhan politik, pemimpin dan pertubuhan umum untuk mempertahankan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad daripada usaha 34 ahli Kongres Amerika yang menuntutnya supaya meminta maaf atau meletakkan jawatan kerana kononnya mengeluarkan kata-kata berbau perkauman terhadap Yahudi.

Ada cadangan untuk menjelaskan pendirian kerajaan Malaysia dalam akhbar dan media elektronik Barat. Cadangan itu agak sukar kerana ia menelan belanja besar. Alasan tindakan yang aneh itu ialah media Barat tidak akan memberi liputan adil kepada sebarang penjelasan kita dan kerana itu cara sebaik-baiknya ialah menggunakan ruangan iklan dalam media cetak dan media elektronik Barat untuk menjelaskan sikap kita yang sebenarnya. Saranan itu tidak saja menelan belanja besar tetapi tidak akan berkesan. Ada cadangan supaya parti politik mengirih perwakilan ke Amerika bertemu ahli Kongres menjelaskan kedudukan sebenarnya.

Pada hemat saya, cara paling berkesan menghadapi tekanan ahli Kongres Amerika terbabit ialah dengan kita sendiri sebagai rakyat memperlihatkan sokongan bulat kepada Perdana Menteri. Sokongan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Aziz tanpa syarat kepada Perdana Menteri adalah contoh sokongan tinggi nilainya semata-mata kerana beliau pemimpin sebuah parti pembangkang yang memerintah sebuah negeri di Semenanjung. Ini menunjukkan dalam isu membabitkan Perdana Menteri dengan ahli Kongres Amerika itu, pembangkang dan kerajaan bersatu mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

Persoalan ini pada hakikatnya ialah persoalan membabitkan maruah dan kedaulatan negara sebagaimana juga isu Jabatan Negara Amerika hendak menyiasat perkongsian Petronas dengan syarikat minyak Russia, Perancis dan Indonesia untuk membangunkan projek minyak di Iran.

Dalam isu ahli Kongres Amerika menuntut Perdana Menteri meletakkan jawatan, adalah jelas tindakan campur tangan biadap terhadap urusan rumah tangga kita. Hanya rakyat yang berhak menentukan nasib Perdana Menteri dalam satu pilihan raya yang demokratik. Dan sesungguhnya Perdana Menteri dipilih oleh rakyat dalam satu pilihan raya umum yang adil dan demokratik. Yang demikian Dr Mahathir diberikan mandat oleh rakyat untuk menjadi Perdana Menteri. Mengenai Petronas, adalah menjadi hak Petronas untuk menjalin hubungan perdagangan dengan sesiapa pun tanpa diganggu oleh negara lain. Amerika mempunyai undang-undang barang siapa berniaga dengan Iran mengikut kadar yang ditentukan sendiri oleh kerajaan Amerika akan didera oleh undang-undangnya. Iran dianggap Amerika sebagai negara 'pengganas' dan yang demikian harus dikenakan tindakan-ekonomi. Tetapi adalah jelas undang-undang Amerika itu melanggar peraturan WTO.

Sehubungan tindakan ahli Kongres Amerika itu, anjuran Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi adalah tepat iaitu menggunakan E-Mel untuk melobi ahli Kongres Amerika supaya memahami pendirian Dr Mahathir yang sebenarnya serta menghilangkan sebarang kekeliruan Kerajaan Amerika terhadap dasar Malaysia. Tetapi tindakan paling berkesan ialah demonstrasi rakyat setiap lapisan untuk menyokong Perdana Menteri. Ini ialah untuk memberikan isyarat mudah dimengerti baik Kerajaan Amerika mahupun ahli Kongresnya yang rakyat Malaysia berdiri bulat di belakang Mahathir.

Menyiarkan iklan dalam akhbar New York Times atau melalui CNN tidak akan berkesan dari segi meyakinkan ahli Kongres terhadap kebenaran kita. Tetapi apa yang mudah dimengerti oleh mereka ialah suara rakyat dari segenap

lapisan berdiri di belakang Perdana Menteri.

Menurut berita terkini, usaha ahli Kongres itupun nampaknya tidak direstui kerajaan Amerika. Malahan, ada tanda usaha segelintir ahli Kongres itu akan tersingkir begitu saja. Sehubungan kedatangan pegawai tinggi Amerika ke Malaysia mengenai isu Petronas pun nampaknya sikap Amerika tidak tegas seperti yang dibayangkan pada peringkat awal. Kita harus faham ada dua negara besar yang ikut berkongsi dengan Petronas iaitu Russia dan Perancis. Negara sahabat Amerika sebenarnya tidak begitu senang dengan dasar Amerika hendak memaksa negara lain tunduk kepada undang-undangnya. Undang-undang Amerika hendak mendera sebarang syarikat yang berniaga dengan Cuba ditentang oleh negara sahabatnya seperti Kanada. Amerika terpaksa mengadakan tekanan ke atas Russia dan Perancis untuk membatalkan projek di Iran. Adakah Russia dan Perancis sedia tunduk kepada tekanan Amerika itu?

Malaysia adalah sebuah negara sahabat Amerika. Hakikat ini tidak boleh disangkal bahkan oleh ahli Kongres Amerika yang paling kuat sekalipun kebenciannya terhadap Dr Mahathir. Malaysia bukan Libya atau Iraq ataupun Sudan. Memang benar Dr Mahathir selalu mengkritik dasar tertentu Amerika paling lantang tetapi pada keseluruhannya Malaysia adalah negara demokrasi yang dasarnya berbaik-baik dengan semua negara.

(END)